AL-QANATIR
INTERNATIONAL JOURNAL OF ISLAMIC STUDIES
eISSN: 2289-9944
Vol. 35. No. 10. October Issue (2026)

COMPARATIVE ANALYSIS OF STUDENTS' LEARNING FINANCIAL NEEDS AND ZAKAT DISTRIBUTION MECHANISMS IN REGIONAL HIGHER EDUCATION INSTITUTIONS

ANALISIS PERBANDINGAN KEPERLUAN KEWANGAN PEMBELAJARAN MAHASISWA DAN MEKANISME AGIHAN ZAKAT DI INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SERANTAU

Fathiah Fathil[i], Fitrianto[ii], Ahmad Rozaini Ali Hassan[iii], Nurul Khairiah Khalid[iv], Meri Yuliani[v] & Dian Meliza[vi]

[i] (*Corresponding author*). Pensyarah kanan. Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Malaysia. email. fathi397@uitm.edu.my
[ii] Pensyarah kanan, Program Studi Perbankan Syariah Fakultas Ilmu Pendidikan dan Sains Islam, UNIKS. email. Fitriuniks1976@gmail.com
[iii] Pensyarah kanan, Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Malaysia. email. ahmad@uitm.edu.my
[iv] Pensyarah kanan, Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Malaysia. email.nkhairiah@uitm.edu.my
[v] Pensyarah kanan, Program Studi Perbankan Syariah Fakultas Ilmu Pendidikan dan Sains Islam, UNIKS. email.meriyuliani6@gmail.com
[vi] Pensyarah kanan, Program Studi Perbankan Syariah Fakultas Ilmu Pendidikan dan Sains Islam, UNIKS. email. dianhabibi2011@gmail.com

Article Progress
Received: *16 Sept 2026* ***Revised:*** *17 Sept 2026* ***Accepted:*** *1 October 2026*

Abstract

This study comparatively examines the educational financial needs of undergraduate students against the zakat distribution mechanisms in regional higher education institutions within today's increasingly challenging context. Students are currently faced with rising costs of financial necessities, which include tuition fees, digital requirements, reference materials, and learning equipment, indirectly affecting their academic performance and overall well-being. Within the framework of the Islamic economy, zakat functions as a wealth redistribution instrument that holds the potential to assist the asnaf group, including students in need of financial support. However, the effectiveness of its distribution becomes apparent only when executed through fair and transparent methods. This study adopts a qualitative approach utilizing document analysis and literature reviews, alongside a comparison of zakat distribution practices across selected higher education institutions in the region. It aims to compare students' educational financial costs with zakat distribution mechanisms in regional higher education institutions within the current context through selected institutions, as well as to compare the implementation of existing zakat distribution systems. Furthermore, it assesses the extent to which existing mechanisms can respond to the dynamic changes in educational needs. The findings indicate a mismatch between the increasingly complex financial needs of students and the zakat distribution structures, which remain conventional and less flexible. Procedural constraints, a lack of integrated data, and system variations between institutions emerge as key factors. Consequently, this study

	proposes improvements through the modernization of zakat management systems, the utilization of information technology, and system coordination at the regional level to ensure a more efficient, fair, and responsive distribution tailored to contemporary educational needs. **Keywords:** *Education, Islamic, Zakat.*
Abstrak	*Penulisan ini mengkaji secara perbandingan keperluan kewangan pembelajaran mahasiswa dengan mekanisme agihan zakat di institusi pendidikan tinggi serantau dalam konteks semasa yang semakin mencabar. Mahasiswa kini berhadapan dengan peningkatan kos keperluan kewangan yang merangkumi antaranya yuran pengajian, keperluan digital, bahan rujukan serta peralatan pembelajaran yang secara tidak langsung mempengaruhi tahap pencapaian prestasi akademik dan kesejahteraan mereka. Dalam kerangka ekonomi Islam, zakat berfungsi sebagai instrumen agihan semula kekayaan yang berpotensi membantu golongan asnaf termasuk pelajar yang memerlukan sokongan kewangan. Keberkesanan agihannya hanya akan jelas tergambar apabila dilaksanakan melalui kaedah yang adil dan telus. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis dokumen dan sorotan literatur di samping perbandingan amalan agihan zakat di beberapa institusi pendidikan tinggi terpilih di rantau ini. Kajian ini bermatlamat membandingkan kos keperluan kewangan pembelajaran mahasiswa dengan mekanisme agihan zakat di institusi pendidikan tinggi serantau dalam konteks semasa menerusi institusi terpilih serta perbandingan pelaksanaan sistem agihan zakat sedia ada. Seterusnya menilai sejauh mana mekanisme sedia ada mampu bertindak balas terhadap perubahan keperluan pendidikan yang bersifat dinamik. Dapatan menunjukkan bahawa terdapat ketidakpadanan antara keperluan kewangan mahasiswa yang semakin kompleks dengan struktur agihan zakat yang masih konvensional dan kurang fleksibel. Kekangan dari segi prosedur, kekurangan data bersepadu serta variasi sistem antara institusi menjadi antara faktor utama. Oleh itu, kajian ini mencadangkan penambahbaikan melalui pemodenan sistem pengurusan zakat, penggunaan teknologi maklumat serta penyelarasan sistem di peringkat serantau bagi memastikan agihan yang lebih efisien, adil dan responsif terhadap keperluan pendidikan masa kini.* Kata kunci: *Pendidikan, Islam. Zakat.*

PENDAHULUAN

Pendidikan tinggi merupakan satu elemen penting dalam pembangunan sesebuah negara sebagai medium pembentukan modal insan yang berkualiti, berpengetahuan dan berkepakaran tinggi. Dalam menelusuri era globalisasi dan perkembangan ekonomi semasa, pendidikan tinggi kini menjadi keperluan utama bagi meningkatkan taraf hidup masyarakat serta daya saing negara.

Namun begitu, kewujudan peningkatan kos pendidikan dan kos sara hidup telah mencetuskan cabaran kepada mahasiswa dalam menggapai kejayaan yang dicita-citakan. Keperluan kewangan pembelajaran mahasiswa bukan hanya melibatkan pembayaran yuran pengajian semata-mata, malah merangkumi pelbagai aspek lain seperti kos penginapan, makanan, pengangkutan, bahan pembelajaran, penggunaan teknologi, akses internet dan keperluan akademik yang lain.

Peningkatan kos tersebut boleh memberi tekanan kewangan kepada mahasiswa khususnya daripada keluarga berpendapatan rendah. Keadaan ini boleh mempengaruhi prestasi akademik, kesejahteraan hidup dan memungkinkan risiko berlakunya keciciran dalam pendidikan (Suraini et al., 2025). Bagi mengatasi masalah tersebut, pelbagai bentuk

bantuan kewangan diperkenalkan termasuk pinjaman pendidikan, biasiswa dan bantuan zakat.

Dalam konteks ekonomi Islam, zakat merupakan instrumen kebajikan sosial yang berperanan mengagihkan kekayaan kepada golongan yang layak menerima bantuan atau asnaf. Zakat pendidikan dilihat sebagai salah satu mekanisme yang berpotensi membantu mahasiswa meneruskan pengajian tanpa dibebani masalah kewangan yang serius.

Institusi zakat di Malaysia dan Indonesia telah memperkenalkan pelbagai bentuk bantuan pendidikan kepada mahasiswa melalui mekanisme tertentu. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan dari segi struktur pengurusan, bentuk bantuan dan kaedah pemilihan penerima bantuan. Oleh itu, kajian ini bertujuan menganalisis perbandingan keperluan kewangan pembelajaran mahasiswa dan mekanisme agihan zakat di institusi pendidikan tinggi serantau dengan memberi fokus kepada Negeri Perak dan wilayah Riau.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan bagi mencapai objektif berikut:

i. Mengenal pasti perbandingan keperluan kewangan pembelajaran mahasiswa di institusi pendidikan tinggi.
ii. Mengkaji mekanisme agihan zakat kepada mahasiswa.
iii. Menganalisis perbandingan mekanisme agihan zakat di institusi pendidikan tinggi serantau.

SOROTAN LITERATUR

Kajian berkaitan keperluan kewangan mahasiswa menunjukkan bahawa aspek kewangan merupakan antara faktor utama yang mempengaruhi pencapaian akademik dan kesejahteraan pelajar. Menurut kajian terdahulu, peningkatan kos pendidikan menyebabkan mahasiswa perlu menanggung pelbagai beban kewangan yang semakin meningkat setiap tahun (Awien Azuyien dan Suraiya 2023; UPZ UNIKS, 2025).

Keperluan kewangan mahasiswa merujuk kepada jumlah perbelanjaan ke atas bahan dan item yang diperlukan bagi memastikan proses pembelajaran dapat berjalan secara efektif. Keperluan kewangan mahasiswa secara umumnya melibatkan dua kategori utama iaitu keperluan pembelajaran dan keperluan sara hidup. Keperluan pembelajaran termasuk yuran pengajian, buku dan bahan rujukan, komputer riba, peralatan teknologi, akses internet, kos penyelidikan, latihan industri, bahan makmal dan tugasan akademik.

Menempuhi revolusi era pendidikan digital 1.0 sehingga 5.0 kini, penggunaan teknologi dan internet telah menjadi keperluan asas dalam proses pembelajaran. Mahasiswa memerlukan akses kepada pelbagai platform pembelajaran atas talian, pangkalan data penyelidikan serta sistem pengurusan pembelajaran universiti. Manakala keperluan sara hidup merangkumi penginapan, makanan dan minuman, pengangkutan, perubatan beserta perbelanjaan harian (Suriayati dan Iffah, 2025).

Dengan anggaran kos sara hidup pelajar universiti awam di Malaysia dianggarkan antara RM1,200 hingga RM1,800 sebulan, mahasiswa daripada keluarga berpendapatan rendah khususnya, sering menghadapi kesulitan berdepan dengan kesan kekurangan motivasi dan kesejahteraan terhadap pembelajaran walaupun ada di antaranya menerima bantuan pinjaman pendidikan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) (Syahir, 2025).

Dari perspektif Islam, zakat merupakan satu sistem ekonomi yang bertujuan mewujudkan keseimbangan sosial dalam masyarakat. Berdasarkan Surah al-Taubah ayat 60, zakat diagihkan kepada lapan golongan asnaf. Mahasiswa yang tergolong dalam kategori fakir, miskin dan fi sabilillah boleh menerima bantuan zakat pendidikan.

Kajian terdahulu juga mendapati bantuan zakat memberikan kesan positif terhadap mahasiswa melalui pengurangan tekanan kewangan, meningkatkan motivasi pembelajaran, mengurangkan keciciran pelajar, meningkatkan pencapaian akademik dan meningkatkan kesejahteraan hidup. Secara tuntasnya, bantuan zakat bukan sekadar instrumen bantuan kewangan semata-mata. ia merupakan manifestasi keprihatinan sosial

yang memperkasakan martabat pendidikan serta membentuk modal insan yang berdaya saing (Myupu.my,2025).

Di Malaysia, pengurusan zakat bagi mahasiswa IPT dilaksanakan secara berpusat mengikut negeri iaitu melalui institusi zakat, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan unit zakat universiti masing-masing (Myupu.my,2025). Manakala di Indonesia, pengurusan zakat dijalankan melalui badan rasmi seperti Badan Amil Zakat Nasional (BAZNAS) dan Lembaga Amil Zakat (LAZ) (Redaksi UNRI, 2025 dan Humas, 2026).

Walaupun kedua-dua negara menggunakan pendekatan yang hampir sama berobjektifkan membantu para mahasiswa dari aspek kewangan ketika sesi pengajian , namun terdapat perbezaan dari aspek pengurusan, kategori bantuan dan kaedah penentuan penerima dari segi pelaksanaan antara keduanya.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah analisis dokumen dan kajian perbandingan. Data diperoleh daripada jurnal akademik, laporan agihan zakat, laporan kajian penyelidikan zakat dan beberapa sumber portal rasmi yang berautoriti. Kaedah analisis kandungan digunakan bagi mengenal pasti tema utama berkaitan keperluan kewangan mahasiswa dan mekanisme agihan zakat pendidikan. Manakala kajian perbandingan dilakukan antara institusi pendidikan tinggi di negeri Perak, Malaysia dan wilayah Riau, Indonesia bagi mengenal pasti persamaan dan perbezaan pelaksanaan bantuan zakat pendidikan.

KEPERLUAN KEWANGAN PEMBELAJARAN MAHASISWA DAN MEKANISME AGIHAN ZAKAT IPT SERANTAU

Keperluan Kewangan Pembelajaran Mahasiswa dan Mekanisme Agihan Zakat IPT Perak, Malaysia

Kajian Fathiah et al (2021) dijalankan di lima (5) fakulti di Universiti Teknologi Malaysia (UiTM) Cawangan Perak iaitu Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka (FSSR) , Fakulti Senibina dan Perancangan Ukur (FSPU), Fakulti Sains Gunaan (FSG), Fakulti Sains Komputer dan Matematik (FSKM) serta Fakulti Perakaunan (FP) dengan melibatkan peringkat diploma dan ijazah sarjana Muda.

Hanya menumpukan kepada kos akademik tanpa kos keperluan hidup, kajian bertujuan mencari kaedah alternatif dalam pengagihan bantuan zakat kepada mahasiswa mengikut keperluan perbelanjaan pengajian mereka di UiTM Cawangan Perak, kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif dengan menggunakan kaedah penyelidikan secara tinjauan.

Maklumat yang diperlukan untuk kajian ini diperolehi melalui instrumen soal selidik dan dapatan data dianalisis secara deskriptif. Populasi kajian terdiri daripada semua pelajar UiTM Cawangan Perak berdasarkan semester dan jabatan. Bilangan sampel kajian pula dikira merujuk kepada Jadual Persampelan Krejice Morgan 1970. Jumlah pelajar di UiTM Cawangan Perak adalah seramai 11927 orang dan sampel saiz pelajar ialah 1931 (Fathiah et al., 2021).

Kajian keperluan kewangan pembelajaran dilakukan berdasarkan item keperluan pembelajaran akademik pelajar setiap fakulti dan semester ke atas item buku teks, buku manual, buku rujukan dan modul tugasan, muet, capaian internet, kot makmal, aplikasi pembelajaran dan telefon pintar. . Dapatan kajian Rajah 1 di bawah menunjukkan bahawa aspek program dan semester jelas mempengaruhi kadar kos pembelajaran para pelajar.

Kos keperluan penggunaan peralatan pembelajaran ternyata berbeza antara semester 1 sehingga 5 bagi setiap program dan ternyata ia memberi kesan terhadap jumlah tanggungan kos pembelajaran para pelajar. Secara keseluruhan, didapati pelajar Seni Lukis dan Seni Reka menanggung kos keperluan pembelajaran yang lebih tinggi bagi hampir kesemua sesi yang mencecah RM1k (Fathiah et al., 2024b dan Fathiah et al., 2024b)



Keperluan/Program	AC110	AC120	AD111	AD115	AD116	AD117	AD118	AD228	AD241	AP111	AP114	AP115	AP116	AP117	AP119	AP148	AP221	AP224	AP225	AP229	AP243	AP256	AS120	CS110	CS111	CS112	CS143	CS230
C1_Belanja_Diri	263.63	253.1	135.64	111.32	92.515	159.66	92.82	106.43	101.28	133.8	125.1	130	130.1	145.2	141.7	141.5	154	102.4	129.2	115.3	194.6	159.5	185.7	149.4	217	179	211	198
C2_Anggaran_Tugas	37.352	41.042	192.5	238.39	217.51	153.88	175.3	319.52	211.25	90.13	75.44	98.72	79.57	100.6	127.2	95.82	150	37.95	131.4	48	123	103.1	43.82	33.75	16.7	57.8	35.7	25.7
C3_Belanja_Alat	78.086	60.313	157.76	230.11	237.4	156.97	219.2	213.59	272.08	104	97.82	102	107.3	104.5	129.1	114.7	140	58.4	299.6	59.03	188.3	77.23	75.03	54.75	76.7	47.1	63.3	48.6
C4_Belanja_Studio	55.828	201.25	570.1	483.25	468.76	356.49	443.5	274.01	532.64	229.2	85.16	54.27	33.49	86.48	151.8	101.7	200	0	23.85	49.67	148.6	5.833	52.42	37.5	0	6.67	17.5	33.8
C5_Belanja_Site	92.753	72.438	59.952	76.025	55.17	79.715	77.25	28.175	73.75	101.3	103	103.6	153.5	102.2	139.1	111.4	90	38.31	121.1	68.33	136.8	123	57.99	68.63	28.3	72.4	66.4	48.9
C6_Belanja_Internet	77.751	77.175	88.29	86.942	76.957	81.062	104.3	96.5	88.014	79.1	87.35	83.22	90.71	75.84	97.62	84.56	106.2	108.1	99.99	86.67	105.2	72.99	81.67	62.81	59	77.8	88.7	80.6
C7_Belanja_Apps	10.387	14.792	35.057	78.515	33.296	37.397	56.68	17.048	20.75	22.53	39.75	40.78	36.3	26.34	84.46	39.02	80	18.47	17.33	25.8	48.36	15.41	8.225	25.88	0	21	47.1	11.2
JUMLAH PERBELANJAAN	615.79	720.11	1239.3	1304.6	1181.6	1025.2	1169	1055.3	1299.8	760.1	613.1	612.6	631	641.1	870.9	688.6	870.2	358.6	822.5	452.8	894.8	557	504.8	432.7	397	462	530	447

Sumber: Diadaptasi dari (Fathiah et al., 2024a) dan (Fathiah et al., 2024b)

Melalui konsep wakalah dan unit zakat universiti, satu sistem agihan zakat telah dibangunkan menggunakan dapatan kajian berkenaan yang mana mekanisme agihan zakat bagi pelajar telah digabungkan dengan hasil dapatan kos perbelanjaan kos hidup pelajar yang berdasarkan had al-kifayah, yang bermaksud dari segi bahasanya, *Al-kifayah* adalah daripada perkataan bahasa Arab yang bermaksud cukup atau mencukupi apa yang paling penting kepadanya, atau apa yang mencukupi untuk hidup.

Manakala dari segi istilah, 'had kifayah' bermaksud perbelanjaan yang perlu memastikan keperluan sara hidup dengan mengambil kira tahap purata kehidupan dalam masyarakat sama ada dari sudut kemakmuran dan kekayaan sesebuah masyarakat (Azman et al., 2017). Dalam kata lain, had al-kifayah ini merupakan suatu kadar keperluan asas minimum yang ditetapkan berdasarkan kos sara hidup semasa.

Kadar had kifayah ini ditentukan melalui beberapa aspek kos kehidupan asas antaranya ialah tempat tinggal, makanan, pakaian, perubatan, pendidikan dan pengangkutan (Fathiah et al., 2021). Pengiraan kadar ini amat perlu untuk memastikan agihan bantuan yang lebih adil dan telus dilaksanakan dengan secara realistik dan kompetitif .

Pemikiran fiqh dalam Mazhab Syafie telah dirujuk bagi pembinaan kaedah yang digunakan dalam penentuan urutan keutamaan serta penetapan kadar agihan zakat. Ia juga disesuaikan dengan realiti semasa kehidupan kampus yang merangkumi jabatan yang pelbagai. Kaedah kadar agihan zakat dibangunkan melalui asas penentuan kepada persoalan; siapakah pelajar yang benar-benar memerlukan bantuan, berapakah kadar minima yang diperlukan dan berapakah kadar agihan yang adil berbanding penerima yang lain dan kedudukan kewangan tabung zakat semasa.

Penggunaannya juga melihat kepada defisit kewangan yang dihadapi oleh pelajar secara personal dengan membandingkan kedudukan sumber kewangan pelajar yang melibatkan tajaan pendidikan dan kadar nafkah yang diterima berbanding dengan anggaran perbelanjaan minima yang diperlukan untuk menyara kehidupan kampus dan keperluan pembelajaran bagi semester semasa.

Pelaksanaan ini secara tidak langsung adalah sejajar dengan aplikasi konsep fiqh al-awlawiyyat atau fiqh keutamaan dalam Islam yang menekankan signifikasi keputusan pelaksanaan yang adil dan tepat berdasarkan hiraki keutamaan dalam agihan zakat. (Fathiah et al., 2024a).

Seterusnya, penentuan keutamaan keperluan dalam kalangan pemohon zakat serta jumlah agihan zakat yang akan dibayar adalah melalui perbezaan defisit yang dihadapi serta berasaskan peratus keupayaan tabung zakat unversiti berbanding jumlah keseluruhan defisit kewangan yang dihadapi oleh keseluruhan pemohon. Justeru itu, bayaran kadar

agihan zakat yang diterima oleh pelajar asnaf atau pemohon zakat adalah berbeza antara satu sama lain dan lebih saksama untuk keperluan kewangan masing-masing (Hamdi dan Munir, 2024).

Pelbagai jenis bantuan zakat pendidikan yang disalurkan di Malaysia merangkumi bantuan yuran pengajian, dermasiswa sara hidup, bantuan awal kemasukan IPT, bantuan komputer riba dan bantuan tambang. Pendekatan yang sistematik ini bukan sahaja memastikan bantuan diagihkan kepada mereka yang benar-benar memerlukan, malah ia mencerminkan kecekapan pengurusan dana amanah zakat dalam mendepani cabaran ekonomi yang kian mencabar. Secara tidak langsung, langkah proaktif ini turut memupuk budaya ketelusan dan integriti dalam kalangan pengurusan universiti serta meraih kepercayaan para penyumbang wang zakat.

Keperluan Kewangan Pembelajaran Mahasiswa dan Mekanisme Agihan Zakat IPT Provinsi Riau, Indonesia

Menjelaskan berkenaan pengagihan zakat kepada mahasiswa pengajian tinggi Provinsi Riau, Indonesia didapati Unit Pengumpul Zakat (UPZ) di bawah seliaan BAZNAS (Badan Amil Zakat Nasional) Provinsi Riau memainkan peranan penting dalam membantu mahasiswa. Agihan zakat disalurkan secara aktif melalui pelbagai institusi pengajian tinggi awam dan swasta di Indonesia antaranya UNRI, UIR UNISI serta UNIKS bertujuan meringankan beban kewangan mahasiswa yang memerlukan.

Sebagai contoh, agihan zakat kepada mahasiswa oleh Unit Pengumpul Zakat (UPZ) Universitas Islam Kuantan Singingi (UNIKS) di Indonesia difokuskan untuk membantu golongan asnaf yang kurang mampu bagi meringankan beban yuran pengajian. Penyaluran ini diuruskan dengan kerjasama BAZNAS (UPZ UNIKS, 2025).

Menggunakan pendekatan kuantitatif, kajian melibatkan pelajar di Universitas Islam Kuantan Singingi (UNIKS), Teluk Kuantan, Riau, Indonesia, yang menerima bantuan agihan zakat pendidikan pada tahun 2024. Populasi kajian melibatkan empat (4) fakulti iaitu Fakulti Pertanian (FAPERTA), Fakulti Ilmu Sosial (FIS), Fakulti Teknik (FT), dan Fakulti Pendidikan Agama dan Sains Islam (FIPSI), dengan jumlah keseluruhan pelajar seramai 535 orang. Namun, hanya 24 pelajar dipilih sebagai penerima bantuan zakat pendidikan pada tahun tersebut (Cik Olvi, 2025).

Berdasarkan data yang diperolehi, kajian dijalankan dengan berasaskan keperluan kewangan pelajar iaitu jumlah asas yuran pengajian di UNIKS, didapati kos yuran tertinggi adalah program Teknik informatika atau komputer sejumlah Rp. 2.500.000 (RM595.99), dan terendah pada program Pendidikan agama Islam sejumlah Rp. 1.800.000 (RM429.11) (Wise, 2026). Berdasarkan Informasi dari bahagian Kewangan UNIKS, maka UPZ UNIKS di tahun 2025 mengubah model agihan bantuan wang zakat kepada pelajar seramai 19 pelajar mendapat agihan zakat bersesuaian dengan kos yuran pengajian setiap semester.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa sistem agihan zakat pada tahun 2024 dilaksanakan secara sama rata, di mana setiap pelajar , masing-masing menerima bantuan sebanyak RP 1,490,000 (bersamaan RM355.22) (Wise,2026). Kaedah agihan secara seragam ini memperlihatkan prinsip kesaksamaan dari sudut jumlah bantuan yang diterima, namun ia kurang mengambil kira perbezaan keperluan sebenar pelajar mengikut bidang pengajian.

Memandangkan kos pengajian dan yuran setiap program di fakulti adalah berbeza dan ini menyebabkan terdapat kemungkinan sesetengah pelajar menerima bantuan yang tidak mencukupi manakala sebahagian yang lain menerima bantuan melebihi keperluan asas mereka.

Sehubungan itu, pada tahun 2025, Unit Pengumpul Zakat (UPZ) UNIKS telah menilai semula model agihan sedia ada dengan menumpukan kepada aspek kebermanfaatan, kebajikan dan kelancaran proses pembelajaran pelajar. Penilaian semula ini dilakukan melalui sesi temu bual dengan Cik Olvi, pihak bendahari UNIKS (2025) bagi mendapatkan maklumat terperinci mengenai yuran pengajian setiap program dan fakulti.

Hasilnya, pendekatan ini menunjukkan berlaku peralihan daripada model agihan sama rata kepada model agihan berdasarkan keperluan (need-based distribution). Secara keseluruhannya, perubahan model agihan zakat tahun 2025 menggambarkan usaha meningkatkan keberkesanan agihan zakat pendidikan agar lebih bersifat adil dan bersesuaian dengan konsep keperluan sebenar pelajar.

Pendekatan ini juga selari dengan prinsip zakat yang menekankan aspek maslahah dan memenuhi keperluan matlamat tersebut, kaedah bantuan secara lebih tepat dan berkesan (Cik Olvi, 2025). Pengagihan bantuan utama zakat disalurkan bagi program dan jenis bantuan utama meliputi:Bantuan UKT (Uang Kuliah Tunggal). Ianya disalurkan melalui kerja sama dengan kampus seperti Universitas Riau (UNRI), Universitas Islam Riau (UIR), dan Universitas Islam Indragiri (UNISI).

Bantuan ini bertujuan meringankan beban kewangan pelajar dalam menjelaskan yuran pengajian setiap semester. Seterusnya, Bantuan Sara Hidup bagi yang layak termasuk bantuan kecemasan serta Biasiswa Tahfidz (BESTARI): Bantuan khusus untuk mahasiswa penghafal Al-Qur'an dan Beasiswa Tuah Riau untuk melanjutkan pengajian yang lebih tinggi. Kesemua inisiatif ini mencerminkan komitmen berterusan pihak pengurusan zakat dalam memperkasakan pendidikan ummah serta memastikan kelangsungan.

Analisa Perbandingan Agihan Bantuan Zakat di Institusi Pendidikan Tinggi: Kajian di negeri Perak dan wilayah Riau

Perbandingan amalan sistem agihan zakat pendidikan IPT antara negeri Perak, Malaysia dan wilayah Riau, Indonesia menunjukkan beberapa persamaan dan perbezaan dalam pelaksanaannya berdasarkan Jadual 1.0 di bawah.

Jadual 1.0 : Jadual perbandingan mekanisme sistem zakat di IPT Negeri Perak dan Wilayah Riau

Aspek	Negeri Perak	Wilayah Riau
Sistem pengurusan	Institusi zakat negeri (MAIN) dan universiti	BAZNAS dan UPZ
Penilaian penerima	Asnaf dan had al-kifayah	Asnaf dilihat dari segi pendapatan dan keadaan ekonomi
Bentuk bantuan	Yuran, keperluan pembelajaran dan kecemasan	Biasiswa,bantuan yuran pengajian dan bantuan penyelidikan
Kaedah agihan	Berkala atau sekali bayar	Berkala dan satu kali bayar
Fokus utama	Keperluan asas dan akademik	Keperluan asas yuran pengajian

Sumber: Analisa penulis

Di negeri Perak, bantuan zakat pendidikan lebih menekankan penggunaan konsep had al-kifayah sebagai ukuran kemampuan kewangan penerima. Kaedah ini digunakan bagi memastikan bantuan diberikan kepada mahasiswa yang benar-benar memerlukan. Gabungan perincian keperluan kewangan kos pembelajaran setiap mahasiswa berdasarkan kepelbagaian fakulti, jabatan dan semester beserta faktor personal dijadikan sebagai ukuran jumlah agihan zakat yang bakal ditentukan serahannya.

Sebaliknya, di wilayah Riau, pendekatan yang digunakan lebih tertumpu kepada aspek kebajikan sosial dan latar belakang ekonomi mahasiswa. Bantuan juga banyak disalurkan dalam bentuk biasiswa pendidikan serta bantuan penyelidikan projek akhir. Berdasarkan perbandingan tersebut, didapati mekanisme di negeri Perak lebih komprehensif kerana bantuan yang diberikan merangkumi pelbagai aspek kehidupan mahasiswa.

Sebaliknya, pendekatan di wilayah Riau lebih menumpukan kepada penyediaan bantuan bagi memastikan mahasiswa mampu meneruskan kelangsungan pengajian tanpa

gangguan dari segi kewangan.Walaupun terdapat perbezaan mekanisme, kedua-dua sistem ini ternyata mempunyai matlamat yang sama iaitu memastikan mahasiswa daripada golongan kurang berkemampuan dapat meneruskan pengajian mereka tanpa menghadapi tekanan kewangan yang serius.

PENUTUP

Keperluan kewangan pembelajaran mahasiswa merupakan antara faktor penting dalam menentukan kelangsungan pendidikan dan prestasi akademik seseorang mahasiswa dalam dunia pendidikan. Isu global dan semasa yang sentiasa berubah tidak dapat dinafikan turut mempengaruhi kestabilan keperluan kewangan pembelajaran mahasiswa serta warga kampus.

Justeru,Peningkatan kos pendidikan semasa memerlukan sokongan kewangan yang berkesan bagi membantu mahasiswa meneruskan pengajian mereka. Dalam hal ini, agihan zakat pendidikan dilihat sebagai salah satu instrumen ekonomi Islam yang berperanan mengurangkan beban kewangan mahasiswa terutamanya dari kalangan sederhana dan miskin.

Hasil kajian menunjukkan bahawa mekanisme agihan zakat di negeri Perak dan wilayah Riau mempunyai persamaan dari segi matlamat pelaksanaannya, namun berbeza dari aspek pengurusan, kaedah penilaian dan bentuk bantuan yang diberikan. Sistem agihan zakat yang lebih sistematik dan berasaskan keperluan sebenar mahasiswa wajar dilaksanakan bagi meningkatkan keberkesanan bantuan serta menyumbang kepada pembangunan modal insan yang lebih berkualiti di peringkat serantau.

Latar belakang para pelajar yang terdiri daripada pelbagai bidang fakulti yang berbeza, memerlukan sistem pengagihan zakat sedia ada ditambahbaik dengan mengambil kira faktor *nature* merangkumi program dan semester dan keduanya, perlu membentuk penentuan kadar had kifayah melalui dapatan yang diperolehi.

Dalam kata lain, bagi melaksanakan kaedah agihan bantuan zakat yang lebih adil dan tepat, penelitian melalui pendekatan fiqh keutamaan terhadap variasi kos item pembelajaran wajar dilaksanakan *case by case* fakulti, program dan semester kerana ia mempengaruhi jumlah kos pembelajaran dan pengajian serta penentuan had minima yang mencukupi ke atas kewangan seseorang pelajar asnaf kelak. Ini mampu memperhalusi keperluan pelajar dari pelbagai program serta mencapai ketepatan agihan zakat yang diperlukan selari dengan kos kewangan semasa dalam pendidikan.

RUJUKAN

Ab Rahman, A., Tengku Zainal Abidin, T. M. & Mohamed Nor, Z. (2017). Penentuan Had Kifayah Zakat Berdasarkan Maqasid Syariah dalam Jurnal Sains Insani. https://sainsinsani.usim.edu.my/index.php/sainsinsani/article/view/50 (diakses pada 26 Mei 2026)

Abdullah, S. R., Ismail, I. A., Mustapa, N. L. & Daud, M. B. H. (2025). Ulasan Literatur Hubungan Antara Sokongan Zakat Pendidikan Terhadap Motivasi dan Pencapaian Akademik Pelajar . https://www.researchgate.net › (diakses pada 26 Mei 2026)Abdullah, S. R., Ismail, I. A., Mustapa, N. L. & Daud, M. B. H. (2025). Ulasan Literatur Hubungan Antara Sokongan Zakat Pendidikan Terhadap Motivasi dan Pencapaian Akademik Pelajar . https://www.researchgate.net › (diakses pada 26 Mei 2026)

Baharom, S. & Mohd Izam, I. M. I. (19 November 2025) Belajar Urus Dompet, Elak Tekanan Hidup Di Kampus dalam Tinta Minda, Bernama. https://www.bernama. (diakses pada 28 Mei 2026)

CiK Olvi, Pejabat Bendahari UNIKS dan Pengerusi UPZ UNIKS, Program Studi Perbankan Syariah Fakultas Ilmu Pendidikan dan Sains Islam, UNIKS, 2025

Fathil, F. et al. (2021). Kaedah Penentuan Bantuan Zakat Berasaskan Keperluan Pelajar UiTM Cawangan Perak. (Unpublished grant proposal) Akademi

Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) dan Unit Hal Ehwal Islam UiTM Cawangan Perak.

Fathil, F., Khalid, N. K., Ali Hassan, A. R., Jamil, A. N., Abd Rahman, M. F. & Ibrahim, A. (2024a). Perbandingan Kos Pembelajaran dalam Kalangan Pelajar Kampus Seri Iskandar, UiTM Perak dalam jurnal Advanced International Journal of Business, Entrepreneurship and SME's (AIJBES) Volume 6 Issue 19(March 2024) PP. 14- 28 DOI10.35631/AIJBES.619002

Fathil, F., Khalid, N. K., Ali Hassan, A. R., Jamil, A. N., Abd Rahman, M. F. & Ibrahim, A. (2024b). Aplikasi Fiqh Al-Awlawiyyat Dalam Penentuan Kaedah Pengagihan Bantuan Zakat: Kajian Di UiTM Perak (Ogos 2024) dalam Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED) Volume: 9 Issues: 65 Special Issue [August, 2024] pp. 357 -373 eISSN: 0128-1755

Jamri, A. A. & Ishak, S. (2023). Tekanan Kewangan Dan Pengurusan Tekanan Kewangan Dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Berasaskan Status Sosioekonomi. https://doi.org/10.17576/ebangi.2023.2004.14 (diakses pada 25 Mei 2026)

Humas BAZNAS Riau (2026). 106 Mahasiswa UNRI Terima Bantuan UKT dari BAZNAS Provinsi Riau. https://riau.baznas.go.id. (diakses pada 27 Mei 2026)

Mohd Yaacob, H. R. & Md Noh, A. M. (2024). Kaedah Agihan Zakat Di Ipt Berasaskan Keperluan Pelajar Mengikut Pendekatan Mazhab Al- Syafie: Pengalaman Uitm Cawangan Perak. www.academicinspired.com (diakses pada 26 Mei 2026)

Myupu.my (2025). Bantuan Zakat Pendidikan Tinggi 2026: Syarat, Kelayakan dan Cara Permohonan. https://www.myupu.my. (diakses pada 28 Mei 2026)

Redaksi UNRI (2025). UPZ UNRI Salurkan Bantuan Rp 1,7 Miliar Lebih : Fokus Pada Mahasiswa, UMKM dan Pekerja Kampus. https://unri.ac.id/upz-unri-salurkan-bantuan-zakat-rp-17-miliar-lebih-fokus-pada-mahasiswa- umkm-dan-pekerja-kampus/ (diakses pada 25 Mei 2026)

Saufi, S., Wan Mohd Nasir,W. N., Sha'ari, H. & Muhammad Saleh, M. (2025). Tekanan dalam Kalangan Pelajar IPT Semasa Pandemik Covid-19 di Malaysia: Tahap, Faktor dan Isi Rumah Yang Terkesan dalam International Journal of Education, Psychology and Counseling (IJEPC). Volume 10 Issue 57 (March 2025) PP. 581-591.

Sulaiman, S. (2025) Cabaran keluarga, cerminan cabaran negara. https://www.astroawani.com/berita- malaysia/kolumnis-cabaran-keluarga-cerminan-cabaran-negara- 508753. (diakses pada 28 Mei 2026) UPZ UNIKS (2025).UPZ UNIKS Kuatkan Solidaritas dengan Pengumpulan Zakat dari Dosen dan Tendik. https://uniks.ac.id/artikel/765/UPZ-UNIKS-Kuatkan-Solidaritas-dengan-Pengumpulan-Zakat-dari-Dosen-dan-Tendik.html (diakses pada 26 Mei 2026)

Wise (2026). Rupiah Indonesia kepada Ringgit Malaysia. myr-rate (diakses pada 26 Mei 2026)

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.